

CABUTAN MINIT BAGI MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL LALULINTAS
APRIL 2021.

3. PERMOHONAN UNTUK MENGHIAS KEJIRANAN FARLIM OLEH PEJABAT MMK
PELANCONGAN DAN EKONOMI KREATIF (PETACE)

Wakil Jabatan Kejuruteraan telah membentangkan permohonan untuk menghias kejiranan Farlim dengan lukisan-lukisan mural di atas lantai oleh Pejabat MMK Pelancongan dan Ekonomi Kreatif (PETACE) di beberapa lokasi di kawasan Farlim. Keputusan Jawatankuasa adalah seperti berikut:-

Bil	Lokasi	Ulasan
1.	Tangga laluan pejalan kaki di Medan Angsana 1 (berdekatan dengan Padang Pasar Malam Farlim)	Jawatankuasa meminta kelulusan bagi lokasi ini perlu diperolehi daripada pihak JKR
2.	Taman permainan kanak kanak di Medan Angsana 1 (berdekatan dengan Padang Pasar Malam Farlim)	Wakil Jabatan Landskap memaklumkan tiada bantahan dengan cadangan lokasi tersebut. Walau bagaimanapun, pihak PETACE perlu memastikan lukisan tersebut sentiasa diselenggara. Jawatankuasa bersetuju dengan ulasan daripada Jabatan Landskap.
3.	Penutup longkang di Jalan Angsana berdekatan kedai Pusat Kecantikan Wei Wei	Jawatankuasa meminta kelulusan bagi lokasi ini perlu diperolehi daripada pihak JKR
4.	Laluan pejalan kaki dari simpang Medan Angsana ke Jalan Angsana (berdekatan dengan Kafe Sheng Tuen)	Jawatankuasa meminta kelulusan bagi lokasi ini perlu diperolehi daripada pihak JKR
5.	Kotak suis di dalam Kompleks Makanan Medan Angsana	Jawatankuasa tidak memperakukan dengan lokasi ini.
6.	Dinding kuning di dalam Kompleks Makanan Medan Angsana	Jawatankuasa bersetuju dengan cadangan ini dan pihak PETACE perlu memastikan lukisan tersebut sentiasa diselenggara.
7.	Feeder pillar di kawasan berdekatan taman permainan kanak kanak di Medan Angsana 1	Jawatankuasa tidak memperakukan dengan lokasi ini.
8.	Pondok telefon di kawasan Medan Angsana 1	Jawatankuasa tidak memperakukan dengan lokasi ini dan meminta pondok-pondok telefon tidak digunakan dikeluarkan.